

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR
BIN WAN CHIK [BALIK PULAU]**

SOALAN

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta
MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan:**

- a) apakah pelan pemulihan sedia ada memadai memandangkan UNWTO telah menjangkakan industri pelancongan hanya akan pulih menjelang 2023; dan
- b) Sejauh manakah usahasama Kementerian bersama agensi lain dalam mementingkan gerak kerja berteraskan data dalam mencapai sasaran pemulihan pelancongan Negara

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Pemulihan Pelancongan (PPP) adalah strategi jangka pendek di bawah Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 yang telah dirangka bagi membantu industri pelancongan bangkit semula menerusi usaha-usaha untuk mengembalikan keyakinan pelancong terhadap tahap keselamatan di sesuatu destinasi pelancongan, selain memastikan sektor pelancongan negara mampu menjana semula pendapatan secara berterusan kepada negara melalui pembukaan sektor ini secara berfasa.
2. Menurut jangkaan Pertubuhan Pelancongan Sedunia atau UNWTO, industri pelancongan dunia akan kembali rancak bermula tahun 2022 dan dijangkakan kembali ke prestasi pra-pandemik pada tahun 2024 atau lebih lama. Justeru itu, pelancongan domestik disasar akan memacu pemulihan pelancongan negara berbanding pelancongan antarabangsa
3. PPP dirangka berdasarkan kenaikan konsisten data pelancongan domestik dari setahun ke setahun dengan kemuncaknya pada tahun 2019 apabila pelancongan domestik telah menyumbang sebanyak RM103.2 bilion kepada pendapatan negara, di mana sumbangannya adalah lebih tinggi daripada sumbangan pendapatan pelancongan antarabangsa iaitu sebanyak RM86.1 bilion.
4. Pada tahun 2020 pula, walaupun pelancongan domestik mengalami kejatuhan yang signifikan iaitu sebanyak 60.8%, ia masih mampu menyumbang sebanyak RM40.4 bilion kepada ekonomi negara.
5. Di samping itu, dalam tempoh penutupan sempadan negara juga merupakan peluang yang baik untuk Kerajaan memanfaatkan pasaran keluar atau *outbound* negara dengan anggaran perbelanjaan *outbound* adalah sebanyak RM44.7 bilion pada tahun 2019.

6. MOTAC yakin dengan PPP yang dirangka dan pelaksanaannya membuktikan bahawa pelancongan domestik mempunyai daya tahan dan keupayaan untuk merangsang ekonomi, memperkasakan perniagaan dan menjana pendapatan, walaupun dilanda krisis.

7. Meskipun sewaktu sempadan negara belum dibuka sepenuhnya untuk aktiviti pelancongan, MOTAC sentiasa berusaha untuk mencari kaedah alternatif bagi mempercepat kadar pemulihan sektor ini. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah bersetuju dengan cadangan MOTAC untuk melaksanakan Projek Rintis Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi bermula 15 November 2021 yang lalu sebagai langkah permulaan untuk Malaysia menerima semula kehadiran pelancong asing secara berperingkat. Projek rintis ini turut akan menilai pengadaptasian norma baharu serta pematuhan oleh semua pihak, sama ada pelancong mahupun penggiat industri pelancongan itu sendiri, kepada prosedur operasi standard yang telah ditetapkan bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19.

8. Projek rintis ini akan menjadi kayu pengukur kepada pembukaan lebih banyak Gelembung Perjalanan Antarabangsa ke destinasi-destinasi lain yang berpotensi berdasarkan penilaian sewajarnya oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan selama sekurang-kurangnya tiga (3) bulan, sebelum dibawa kepada Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk dipertimbangkan. Meskipun begitu, MOTAC sentiasa bersedia untuk mempromosi destinasi pelancongan negara pada bila-bila masa bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara kita apabila sempadan negara dibuka sepenuhnya kelak.

9. Bagi mencapai sasaran pemulihan pelancongan negara, MOTAC bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam mempercepat proses pemberian vaksin kepada orang awam termasuk industri pelancongan. Contohnya adalah kerjasama dengan pihak Industri seperti Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO) serta

Persatuan Konvensyen dan Pameran Malaysia (MACEOS) bagi penggunaan fasiliti hotel dan pusat konvensyen untuk dijadikan Pusat Pemberian (PPV).

10. MOTAC juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan Kerajaan Negeri dalam usaha memantau kadar vaksinasi dan tahap imuniti kelompok di destinasi-destinasi pelancongan seluruh negara dalam usaha membuka semula sektor pelancongan. Usaha ini telah mendorong kepada keputusan Kerajaan untuk melaksanakan Gelembung Pelancongan Domestik di Pulau Langkawi pada 16 September 2021 setelah hampir 100% populasi dewasa Pulau Langkawi telah menerima vaksinasi lengkap pada minggu ketiga Ogos 2021. Kejayaan ini telah menjadi penanda aras dan seterusnya mendorong Kerajaan untuk memutuskan kebenaran rentas negeri pada 11 Oktober 2021 yang melibatkan pembukaan semula aktiviti pelancongan di seluruh negara.

11. Selain itu, MOTAC turut menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM), Kementerian Sumber Manusia bagi melaksanakan inisiatif penempatan sementara pekerja di hotel mengikut Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja (Akta 446). Inisiatif ini bertujuan menangani penularan pandemik COVID-19 yang berpunca daripada kluster di tempat kerja, yang akan secara tidak langsung dapat membantu kelangsungan perniagaan pengusaha hotel di negara ini yang terjejas teruk akibat penularan pandemik ini.

12. Langkah-langkah yang diambil ini adalah seiring dengan PPP yang bermula sejak tahun lalu bertujuan mengembalikan keyakinan orang awam untuk melancong dan merancakkan semula pelancongan domestik negara.

Sekian, terima kasih.